

Iftar@KL 2024 beri peluang pengunjung buka puasa dalam dulang di Dataran Merdeka

ANGSURAN BERSAMA

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

23-24 MAC 2024
30-31 MAC 2024
6-7 APRIL 2024

8⁰⁰ PAGI - 11⁰⁰ MALAM

Jalan Raja, Dataran Merdeka,
Kuala Lumpur

اِفْطَار
IFTAR@KL
2024
RAMADAN 1445

Majlis Berbuka Puasa (Iftar)

Penyediaan & Pengagihan Bubur Lambuk

Solat Berjemaah (Maghrib, Isyak & Terawih)

Tadarus Al-Quran

Tazkirah Ramadan (selepas Maghrib)

Bicara Ramadan (selepas Terawih)

Persembahan Kerohanian

Voluntourism (Sukarelawan)

Jualan Makanan Food Truck

Program Bersama DBKL

Suara Dari Gaza

Program Bersama KLFTEA

Kaunter Zakat

Jom Exchange Al-Quran

Pameran

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI 03-2614 8200

www.jkkn.gov.my

MYSEBIBUAYA

MALAYSIA MADANI

KUALA LUMPUR - Pengunjung berpeluang berbuka puasa beramai-ramai dengan juadah yang dihidangkan di dalam dulang menerusi program Iftar@KL 2024 anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) di Dataran Merdeka.

Timbalan Menteri MOTAC, Khairul Firdaus Akhbar Khan berkata, program setiap Sabtu dan Ahad sepanjang Ramadan itu diadakan bagi menghidupkan kembali sunah Rasulullah SAW yang kian dilupakan.

“Program ini juga dibuat untuk memperkenalkan cara kita berbuka puasa yang mana semua masyarakat berbilang kaum boleh turut serta berbuka puasa bersama-sama.

“Selain itu, kita juga mahu memperincikan lagi kebudayaan kita kepada masyarakat di luar sana betapa uniknya budaya kita sewaktu di bulan Ramadan.

“Bukan itu sahaja, ia bagi memastikan hubungan erat antara kementerian dengan masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika pelancaran program berkenaan di Dataran Merdeka di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)



Khairul Firdaus menandatangani pelancaran Iftar@KL 2024 di Dataran Merdeka pada Sabtu.

MOTAC, Datuk Shaharuddin Abu Sohoh; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Sr Kamarulzaman Mat Salleh; Ketua Pengarah JKKN, Mohd Amran Mohd Haris; Ketua Pengarah Islamic Tourism Centre (ITC), Nizran Noordin dan Pengerusi Persatuan Seni Budaya Putra, Shahril Hashim.

Program berkenaan merupakan anjuran kali ke-12 bersama dengan rakan-rakan strategik iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Seni Budaya Putra.

Mengulas lanjut, menurut

Khairul Firdaus, JKKN dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) turut mengadakan malam Suara Dari Gaza iaitu persembahan deklamasi puisi dan persembahan nasyid sebagai manifestasi solidariti masyarakat Malaysia kepada umat Islam di Palestin.

“Selain itu, terdapat juga program Jom Exchange al-Quran iaitu pemulangan al-Quran yang tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan digantikan yang telah diluluskan kementerian berkenaan,” ujarnya.